

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 4/1982

**KEBENARAN PINDAHMILIK
DI BAWAH SEKSYEN 13A ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930
DAN SEKSYEN 104 ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938
KEPADА PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD
NEGERI KELANTAN (PKINK)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pemungut Hasil Tanah tentang perlunya kelulusan Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan/atau Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 bila satu-satu tanah itu hendak dipindahmilik kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

2. Pada 15 hb. Ogos, 1971 setelah menimbang Kertas Bil. 16/720/71 III / (6) Majlis Mesyuarat Kerajaan telah bersetuju memberi kebenaran secara menyeluruh (covering approval) kepada PKINK untuk menerima pindahmilik mana-mana tanah di dalam negeri ini tanpa mendapat kelulusan di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan/atau Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938. Keputusan ini telah pun disampaikan kepada Pemungut Hasil Tanah melalui Pekeliling P.T.G. Bil. 11/1976 untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

3. Jawatankuasa Kecil Undang-Undang Tanah yang dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam mesyuaratnya yang diadakan pada 14hb. September 1980 telah berpendapat bahawa 'kebenaran secara menyeluruh (covering approval)' di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 18/1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 26/1938 tidak boleh diberi kepada PKINK atau mana-mana pihak sekalipun oleh sebab tidak ada peruntukan yang membolehkannya. Tiap-tiap kes hendaklah diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk kelulusannya. Pendapat ini telah dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 31hb. Disember, 1980.
4. Dengan itu semua Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki mengambil perhatian bahawa mana-mana tanah yang hendak dipindahmilik kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) di masa akan datang hendaklah diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk ditimbangkan di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan/atau Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan bayaran untuk kedua-dua sijil yang berkenaan adalah dikenakan sebagaimana lazim mengikut Peraturan Tanah Kelantan 1966.
5. Pekeliling Pejabat ini Bil. 11/1976 dengan ini adalah dibatalkan.

t.t

(Ab.Hamid Bin Hj. Abu Bakar)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
KOTA BHARU.

BERTARIKH : 2HB. MEI 1982.

FAIL : P.T.G.(KN.) 53/71/(28)

KEPADA :-

Semua Ketua Jajahan/
Pemungut Hasil Tanah,
KELANTAN

Semua Penolong Pemungut Hasil Tanah,
KELANTAN

SALINAN KEPADA :-

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan.

YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri,
Kelantan.

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri,
Kelantan.

YABrs. Pengarah Ukur Negeri,
Kelantan.

YABrs. Pengarah TAKDIR Negeri,
Kelantan.

YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah,
Kelantan.

YABrs. Ketua Cawangan Odit,
Kelantan.